



## GOOGLE WALLET BAGI KAD KREDIT CIMB MASTERCARD

### Soalan Lazim (FAQ)

Bil.	Soalan	Jawapan
<b>Am</b>		
1	Apakah Google wallet?	Google Wallet adalah dompet digital dalam Android yang menyimpan semua butiran kad pembayaran, pas, tiket, kunci, atau ID anda dalam satu lokasi. Dengan Google Wallet, anda boleh menggunakan telefon anda untuk ketik-untuk-membayar di mana Google Pay diterima. Ia menjadi lebih selamat dan lebih mudah untuk anda melakukan pembelian tanpa tunai dalam talian dan dalam kedai.
2.	Siapakah yang boleh menggunakan Google wallet?	Pengguna peranti Android sahaja boleh menggunakan Google wallet.
3.	Apakah perbezaan antara Google Wallet dan Google Pay?	Google Pay adalah saluran pembayaran Google Wallet, yang membolehkan anda menambah kad anda untuk melakukan pembayaran dan transaksi.  Google Wallet adalah dompet digital dalam peranti Android anda yang menyimpan semua butiran kad pembayaran, pas, tiket, kunci, atau ID anda, kesemua dalam aplikasi.
4.	Siapakah yang boleh menyertai kempen ini?	Semua pemegang kad kredit Mastercard CIMB Bank dan CIMB Islamic yang menggunakan Google Wallet dan pengguna peranti Android.
5.	Kad Kredit Mastercard CIMB yang manakah boleh ditambah pada Google Wallet?	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kad Kredit CIMB Travel Platinum</li><li>- Kad Kredit CIMB Travel World</li><li>- Kad Kredit CIMB Travel World Elite</li><li>- Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum</li><li>- Kad Kredit CIMB Petronas Platinum</li><li>- Kad Kredit CIMB Petronas Platinum-i</li><li>- Kad Kredit CIMB Platinum-i</li><li>- Kad Kredit CIMB World Mastercard</li></ul>
6.	Apakah manfaat menggunakan kad kredit CIMB pada Google Wallet?	Dompet digital boleh melakukan pembayaran dengan lebih cepat, lebih mudah dan lebih selamat.  Dengan ciri Komunikasi Medan Dekat (NFC) pada telefon mudah alih anda, anda hanya perlu mengetik telefon mudah alih anda untuk membuat pembayaran tanpa sentuhan di tempat-tempat yang mempamerkan logo Google Pay atau melakukan pembelian dalam talian dengan mengklik butang Google Pay semasa pembayaran.

7.	Saya merupakan pengguna kali pertama, bagaimanakah saya berdaftar untuk Google Wallet?	Layari Google Play Store dan muat turun aplikasi Google Wallet dan ikut arahan dalam aplikasi untuk mendaftar. Rujuk kepada bahagian 'First Time Login and Access to Google Wallet' di bawah FAQ ini.  Google Wallet hanya disediakan untuk pengguna peranti android.
8.	Adakah Google Wallet selamat?	Ya, ia adalah selamat untuk digunakan.  <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Butiran kad anda tidak akan disimpan pada telefon anda atau dikongsi dengan peniaga apabila anda menggunakan Google Pay. (Rujuk Soalan Lazim 20)</li> <li>2. Google menyimpan semua maklumat pembayaran di pelayan dengan selamat.</li> <li>3. Transaksi yang dibuat melalui Google Pay akan mencetuskan pengesahan pada aplikasi yang boleh membantu anda mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan pantas. Pengesahan urus niaga mengandungi maklumat tentang tempat transaksi berlaku bersama-sama dengan nama peniaga dan jumlah yang diurus niagakan.</li> <li>4. Dalam situasi di mana anda kehilangan peranti anda dan bimbang tentang seseorang yang menggunakan Google Pay dengan butiran kad anda untuk membuat transaksi tanpa kebenaran, anda boleh sama ada mengunci peranti anda atau set semula simpanan tetapan dari jarak jauh untuk menghalang orang lain daripada menggunakan kad anda melalui Google Pay pada peranti anda yang hilang.</li> </ol>
9.	Adakah terdapat bayaran caj dikenakan untuk menggunakan Google Wallet?	Tiada caj yang dikenakan untuk penggunaan Google Wallet.
10.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menghilangkan peranti saya yang mempunyai Kad Kredit CIMB dalam Google Wallet saya?	Sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di 03-6204 7788 dengan segera untuk menyekat kad kredit CIMB anda.
11.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menghilangkan Kad Kredit CIMB saya?	Sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di 03-6204 7788 dengan segera untuk menyekat kad kredit CIMB anda.
12.	Bagaimanakah jika saya mengalami isu teknikal berkenaan dengan aplikasi Google Wallet?	Untuk apa-apa isu teknikal berkenaan dengan aplikasi Google Wallet, kunjungi Google Help Support.

13.	Di manakah boleh saya membaca FAQ lanjut berkenaan dengan Google Wallet?	Anda boleh mengunjungi aplikasi atau laman web Google Wallet untuk mendapatkan maklumat lanjut.
14.	Peranti manakah yang serasi dengan Google Wallet?	Ia serasi dengan peranti Android yang mempunyai teknologi Komunikasi Medan Dekat (NFC).
15.	Berapakah peranti maksimum pelanggan dibenarkan untuk peruntukan dengan menggunakan kad kredit yang sama?	Pelanggan dibenarkan untuk memperuntukan kad kredit yang sama sehingga maksimum 2 peranti Android sahaja. Contohnya 2 peranti Android atau 1 peranti mudah alih Android dan 1 jam tangan pintar.
16.	Pelanggan memperuntukan kad pada Google Wallet pada telefon Android dan ingin memperuntukan kad yang sama ke jam tangan pintarnya sebagai peranti ke-2. Adakah beliau perlu memperuntukan kad yang sama sekali lagi dalam jam tangan pintar?	Ya, pelanggan perlu memperuntukan kad yang sama sekali lagi ke jam tangan pintar mereka untuk membolehkan mereka melakukan transaksi dengan jam tangan pintar.
17.	Jika pelanggan membeli telefon baharu, bolehkah beliau terus log masuk ke Google Walletnya dan mengguna kad yang muncul dalam Google Wallet?	Tidak, pelanggan perlu memperuntukan semula semua kadnya seperti proses peruntukan kad biasa pada telefon mudah alih baharu supaya membolehkannya untuk menggunakan Google Pay melakukan transaksi.
18.	Adakah perlu untuk menghidupkan Komunikasi Medan Dekat (NFC) untuk melakukan transaksi atau pembayaran?	Ya, pelanggan dikehendaki untuk menghidupkan Komunikasi Medan Dekat (NFC) untuk melakukan transaksi atau pembayaran.
19.	Adakah perlu untuk menghidupkan Komunikasi Medan Dekat (NFC) untuk memperuntukan kad dalam aplikasi Google Wallet?	Tidak, pelanggan tidak diperlukan untuk menghidupkan NFC semasa memperuntukan kad. Walau bagaimanapun, selepas kad berjaya diperuntukan, pelanggan akan diingatkan untuk menghidupkan Komunikasi Medan Dekat (NFC) sebelum melakukan transaksi atau pembayaran.
20.	Semasa pelanggan melakukan pembelian dengan menggunakan akaun Google Pay, apakah "Nombor Kad Kredit" yang akan muncul atas resit jualan? Adakah ia nombor maya berkomputer, atau ia akan menjadi nombor kad kredit pemegang kad?	Jika pembelian dilakukan di gedung beli-belah dengan menggunakan Google Pay, resit jualan akan mempamirkan nombor token terlindung.  Jika pelanggan membuat pembelian atas talian, resit akan mempamirkan nombor kad fizikal terlindung.
<b>Log masuk dan Akses kali pertama ke Google wallet</b>		
1.	Bagaimanakah saya tambah kad kredit CIMB saya ke Google Wallet?	Anda diperlukan untuk memastikan anda mempunyai data mudah alih atau sambungan WiFi untuk memula: 1. Buka aplikasi Google Wallet atau muat turunnya pada Google Play Store. 2. Ketik 'Tambah ke Dompet' dan ikut arahan

		<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Sahkan kad anda.</li> <li>4. Selepas anda berjaya menambah kad anda pada Google Wallet, pilih kad Bank anda dari skrin utama.</li> <li>5. Pilih 'butiran' pada bahagian bawah skrin.</li> <li>6. Pilih 'Jadikan lalai untuk tanpa sentuhan'.</li> <li>7. Kad anda kini sedia untuk digunakan.</li> </ol>
2.	Bagaimanakah saya guna atau lakukan pembayaran dengan menggunakan Google Wallet?	<p>Untuk bayar dengan Google Pay di gedung beli-belah dengan menggunakan telefon anda, hanya bangunkan peranti dan ketik telefon anda pada terminal tanpa sentuhan atau bayar atas talian. Anda akan perlu untuk membuka kekunci untuk transaksi yang melebihi RM250.</p> <p>(rujuk kepada logo di bawah semasa pembayaran)</p> <p>Untuk pembelian dalam talian,</p>  <p>Untuk pembelian di kedai,</p> 
3.	Bolehkah saya bayar dengan Jam Tangan Pintar saya? Jika boleh, bagaimanakah saya mula?	<p>Ya, anda boleh melakukan pembayaran dengan jam tangan pintar anda.</p> <p>Bagaimanakah untuk menambah kad ke jam tangan pintar anda?</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pastikan anda telah memuat turun aplikasi Google Wallet dalam telefon anda.</li> <li>2. Buka Aplikasi Google Wallet dari jam tangan pintar anda.</li> <li>3. Tekan "Mulakan"</li> <li>4. Sediakan kunci skrin sama ada melalui Corak, PIN atau Kata Laluan.</li> <li>5. Setelah persediaan kunci skrin lengkap, ikut arahan untuk menambahkan kad kredit anda pada telefon.</li> <li>6. Kad anda kini muncul pada jam tangan anda.</li> </ol> <p>Bagaimanakah untuk membayar dengan jam tangan pintar?</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Buka aplikasi Google Wallet.</li> <li>2. Dekatkan jam tangan anda pada pembaca pembayaran tanpa sentuhan sehingga anda mendengar bunyi atau merasai getaran dari jam tangan anda.</li> </ol>

		<p>3. Pembayaran telah selesai semasa skrin “LULUS” muncul di terminal.</p> <p>Untuk butiran berkenaan dengan jam tangan pintar, kunjungi Google Help Support Smartwatch.</p>
4.	Adakah terdapat had kredit dalam Google Wallet setelah kad kredit CIMB termasuk dalam Google Wallet?	Had kredit adalah ditentukan oleh kad kredit yang anda tambahkan ke Google Wallet.
5.	Bolehkah saya urus had kad kredit saya dalam Google Wallet?	Tidak, had kad kredit mengikut had kad kredit sedia ada anda. Anda perlu menghubungi Pusat Panggilan CIMB jika anda ingin melakukan apa-apa perubahan terhadap had kad kredit anda.
6.	Bolehkah saya lakukan pelan pembayaran ansuran dalam Google Pay?	Tidak.
7.	Bagaimanakah saya alih keluar kad saya dari Google Wallet?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Buka aplikasi Google Wallet.</li> <li>2. Cari kaedah pembayaran yang anda ingin alih keluar.</li> <li>3. Jika ia bukan kad pertama, leret ke kiri sehingga anda mencapai kad yang anda ingin alih keluar.</li> <li>4. Ketik kad, ketik “Lanjutan” : &gt; <b>Remove payment method.</b></li> </ol>